



Muhyiddin menikmati sarapan bersama penduduk di Warung Noorizwan di FELCRA Bukit Kepong, Pagoh, semalam.

(Foto BERNAMA)

Rentas negeri beraya di kampung diteliti

Keputusan bergantung situasi semasa kes harian COVID-19: PM

Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

Muar: Kerajaan akan meneliti kebenaran untuk pergerakan rentas negeri menjelang Aidilfitri yang disambut pertengahan Mei depan.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata keputusan akhir sama ada rentas negeri dibenar atau tidak bagi menyambut hari raya bergantung kepada situasi semasa kes harian COVID-19.

Katanya, pengumuman akan dibuat sebaik semua data berkaitan dianalisis oleh Kementerian Kesihatan (KKM) serta Majlis Keselamatan Negeri (MKN).

“Ini antara isu yang kerajaan sedang pertimbang. Sekarang hampir bulan puasa, mufti pun sudah keluar fatwa solat Tarawih sudah boleh, dulu tak boleh. Mungkin apabila nak raya (Aidilfitri), kita mungkin boleh sembahyang raya bersama-

ma-sama, bertakbir atau boleh melawat ziarah rentas negeri.

“Buat masa ini, rentas negeri untuk Aidilfitri, kerajaan belum dapat beri jawapan lagi. Kita akan teliti dan umumkan apabila tiba masanya nanti,” katanya ketika bersarapan bersama masyarakat di Warung Noorizwan, FELCRA Bukit Kepong di Pagoh, dekat sini semalam.

Pada 16 Mac lalu, Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengumumkan kerajaan membenarkan operasi bazar Ramadan, bazar hari raya dan solat sunat Tarawih di semua negeri bermula 13 April, selepas mendapatkan pandangan KKM.

Namun, kebenaran yang diberi berdasarkan SOP ketat untuk dipatuhi peniaga dan pengunjung bazar Ramadan, bazar hari raya serta jemaah di masjid dan surau.

Terdahulu, Muhyiddin yang juga Ahli Parlimen Pagoh merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Gambir, mengingatkan masyarakat agar terus mematuhi prosedur operasi standard (SOP) untuk memastikan kes COVID-19 di negara ini, termasuk di Johor terus berkurangan.

Katanya, keadaan di Johor ber-

tambah baik sedikit, tetapi belum ke tahap Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

“Kalau PKPP, kita hampir sudah boleh bergerak dan menjalankan tugas seperti biasa, tetapi sini (Johor) belum sampai ke tahap itu,” katanya menambah, tanggungjawab untuk memastikan keadaan bertambah baik terletak pada setiap pemimpin dan semua lapisan masyarakat, terutama pematuhan SOP COVID-19.

Beliau menegaskan, pandemik COVID-19 meletakkan negara dalam keadaan paling sukar dalam sejarah kerana perlu mendepani masalah kesihatan dan ekonomi yang membawa implikasi besar kepada kehidupan rakyat.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan Perikatan Nasional (PN) memperuntukkan sejumlah wang yang besar, antara RM325 hingga RM330 bilion untuk membantu rakyat, dengan tujuannya tidak lain supaya rakyat berpeluang hidup dan menjana pendapatan.

Perdana Menteri berharap dengan peruntukan itu, kerajaan boleh bersama-sama dengan rakyat menjana aktiviti dalam negara, sekali gus memulihkan ekonomi Malaysia.